

FAQ



- Adakah dibenarkan sumbangan luar kepada akaun PPKK ? (**Unit Integriti dirujuk dan berpandangan bahawa penyaluran derma/sumbangan luar kepada akaun ALPH atau Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK) untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan melibatkan hospital di KKM adalah dibolehkan**)
- Adakah dibenarkan untuk PPKK membeli aset? (**PPKK adalah tidak dibenarkan untuk membeli asset / barang untuk didermakan kepada klinik dan sebagainya. Hal ini adalah selari dengan Garis panduan , pindaan 2024 – para 4**)
- Sekiranya ahli PPKK telah tamat tempoh lantikan, adakah perbelanjaan PPKK dibenarkan? (**perbelanjaan/ pengeluaran daripada akaun PPKK adalah tidak dibenarkan sekiranya tempoh lantikan telah tamat**)



FAQ

- Adakah dibolehkan PPKK untuk membuat *online banking*? (**PPKK tidak dibenarkan untuk membuka/ mendaftarkan online banking**), hal ini penting sebagai kawal perbelanjaan serta menghadkan transaksi)
- Sekiranya peruntukan semasa tidak mencapai perbelanjaan minimum 50 %, adakah peruntukan tahun berikutnya akan disalurkan? (**peruntukan tahun berikutnya tidak akan disalurkan sekiranya perbelanjaan minimum pada tahun semasa tidak mencapai 50 %**)
- Apakah rasional peruntukan secara waran oleh Bahagian Kewangan kepada JKN? (**rasional peruntukan waran adalah bagi memudahkan pemantauan di peringkat PTJ, IPKKM hanya mengerusul berkaitan penyaluran kewangan sahaja**)

FAQ



- Adakah pemantauan kepada PPKK akan dilaksanakan pada tahun 2024? (**pemantauan (audit/naziran) akan dilaksanakan bagi memastikan tatacara kewangan dilaksanakan dengan betul dan teratur**)
- Adakah PPKK yang masih belum mempunyai akaun bank akan mendapat peruntukan? (**peruntukan melalui waran telah diturunkan oleh pihak kementerian kepada JKN, semua PPKK adalah layak untuk menerima peruntukan tersebut bagi tahun 2024. namun begitu, bagi PPKK yang masih belum mempunyai akaun bank, PPKK yang terlibat perlu menyegerakan urusan tersebut sebelum atau selewat-lewatnya 30 Mac 2024, untuk melancarkan urusan penyaluran**)

FAQ



- Adakah dihadkan program/aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh PPKK pada tahun semasa? (**tiada had aktiviti/program untuk dilaksanakan oleh PPKK, namun begitu, laporan perbelanjaan dan aktivi mestilah direkodkan**)
- Adakah dibenarkan PPKK berkerjasama dengan pihak luar untuk menjalankan sebarang aktiviti/program? (**Dibenarkan. Program dijalankan oleh PPKK bersama-sama dengan pihak luar adalah dibenarkan**).
- Bilakah tarikh akhir program/aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh PPKK? (**Pada bulan Oktober tahun semasa**)